



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
26 MAC 2019 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Utusan Malaysia

- PBT perlu campur tangan isu lif

46-47



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 26 MAC 2019 (SELASA)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	PBT perlu campur tangan isu lif
Muka Surat	46-47

UNIT BERITA KOTA 44, Jalan Utusan, Melalui Jalan Chan Sow Lin, 55200, Kuala Lumpur.
Facebook: Utusan Kota Twitter: @UtusanKota Laman web: www.utusan.com.my

UTUSAN MALAYSIA • SELASA 26 MAC 2019

UM 20/3 mls 46-47

TAHAP keselamatan operasi lif di kebanyakan kediaman bertingkat di negara ini masih dipandang remeh walaupun ia membabitkan nyawa orang ramai.

PBT perlu campur tangan isu lif

Oleh NUR IZZATI IZZAH NADZI
kota@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 25 MAC

SELAIN ruang tempat letak kenderaan yang terhad, masalah lif merupakan antara isu terbesar dihadapi penduduk di kediaman bertingkat seperti flat dan pangsapuri di negara ini.

Ada yang rosak kerana menjadi mangsa vandalisme, tidak diselenggara dengan baik malah ada sengaja dihentikan operasi bagi tujuan penjimatan yang akhirnya membebaskan hidup penduduk.

Apa pun puncanya, operasi lif sebagai 'nadi' utama pergerakan penduduk tidak seharusnya dihentikan. Apatah lagi apabila melibatkan penghuni seperti warga emas, orang kurang upaya dan kanak-kanak.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di beberapa Program Perumahan Rakyat (PPR) di sekitar ibu kota mendapati ada sebahagian daripada kemudahan itu yang terganggu operasi sejak lebih 10 tahun kerana kegagalan pentadbiran oleh penaja atau badan pengurusan bersama (JMB).

Lebih menyedihkan, masalah kerosakan yang kerap berlaku tidak hanya terhenti di situ bahkan mengundang sikap vandalisme yang semakin menjadi-jadi dalam kalangan penduduk.

Menendang dan mencung-

PENDUDUK salah sebuah kediaman PPR di sekitar Kuala Lumpur, yang terpaksa menggunakan tangga ekoran kerosakan lif.

PENDUDUK menunjukkan kerosakan butang lif akibat perbuatan vandalisme di salah sebuah kediaman PPR sekitar Kuala Lumpur.

FOR PASSENGER
LOAD 120 kg
15 PER S

Sehubungan itu, orang ramai merasakan sudah sampai masanya pihak berkuasa tempatan (PBT) campur tangan dengan memperketatkan pelaksanaan undang-undang mengenai operasi lif bagi membendung masalah itu daripada terus membarah.

Salah satu daripadanya adalah dengan mewajibkan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV), mengambil tindakan kepada penghuni yang mempunyai tunggakan penyelegaraan dan mengenakan tindakan tegas kepada pihak pengurusan kediaman yang gagal menjalankan tugas dengan baik.

Tanpa campur tangan pihak PBT khususnya daripada bahagian Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB), langkah memperkemaskan pentadbiran dan pengurusan di kediaman bertingkat mesti tidak akan berkesan.

persatuan penduduk dan kontraktor untuk menyelesaikan masalah itu namun hasilnya sia-sia.

"Lebih 10 tahun kami menderita akibat masalah lif kerana tiada kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan. Akhirnya penduduk juga yang menanggung derita," katanya.

Penduduk PPR Desa Petaling, Jack Tan, 40, pula berkata, di mana-mana sahaja ada masalah vandalisme atau penyakit 'gatal tangan' kerana golongan itu tidak pernah memikirkan soal orang lain asalkan puas dengan tindakan mereka.

"Ada butang lif yang tidak lagi berfungsi kerana dikumpul sehingga menyusahkan penghuni yang terpaksa turun atau naik ke tingkat lain sahaja,"

90 peratus rosak akibat vandalisme - DBKL

KUALA LUMPUR 25 Mac - Sikap penghuni yang tidak bertanggungjawab menjadi punca utama masalah kerosakan lif di kediaman Program Perumahan Rakyat (PPR).

Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar (JKPKKB), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Anwar Mohd. Zain berkata, sebanyak 90 peratus kes kerosakan lif disebabkan oleh perbuatan vandalisme.

"Punca utama kerosakan adalah apabila pengguna kerap menahan pintu lif terlalu lama menyebabkan sistem operasinya rosak dan menekan butang dengan objek keras.

"Terdapat juga penduduk yang membawa motosikal menaiki lif, membuang najis dan ada yang membasuh lif sehingga menyebabkan peralatan lif berkarat," katanya kepada pemberita ketika Sesi Temubual berhubung isu Vandalisme dan Penyelenggaraan Lif di PPR di Menara DBKL 3 di sini.

Anwar berkata, tiada kesedaran dalam penggunaan lif menyebabkan isu vandalisme berlarutan di PPR kerana penghuni tidak tahu bahawa lif mempunyai sensitiviti berkait rapat dengan aspek keselamatan.

"Jika penghuni dapat

MAKLUM BALAS



ANWAR MOHD ZAIN

menggunakan lif dengan cara betul, kerosakan tidak akan berlaku.

"Oleh itu, penghuni perlu menjaga kebersihan lif dengan menekan butang secara cermat, mematuhi arahan yang ditampal dan menghubungi nombor kecemasan jika berlaku kerosakan lif," katanya.

Tambahnya, Bilik Gerakan JKPKKB telah menerima aduan sebanyak 7,569 kes kerosakan lif sepanjang tahun 2018.

"Sebanyak RM4 juta telah diperuntukkan untuk membaik pulih kes kerosakan yang melibatkan vandalisme manakala RM20 juta bagi kos penyelenggara seperti menaik taraf dan gantian lif," katanya.

INFO

PROGRAM DILAKSANAKAN DI PPR

- Servis berkala setiap bulan
- 'Hall call button' elak kecurian butang lif
- Naik taraf lif berusia 10-15 tahun
- Penggantian lif baharu berusia lebih 15 tahun
- Memasang CCTV
- Wujud unit pemantau lif

REAKSI



diselenggara."

MISKINAH KOMING, 48
Penduduk PPR Salak Selatan

"SUDAH banyak kali penduduk membuat aduan kepada persatuan penduduk namun tiada juga kerja-kerja baik pulih dapat dibuat."



AH PENG, 75
Penduduk PPR Salak Selatan



"PERNAH beberapa kali ketiga-tiga lif tidak berfungsi dan ada penduduk yang terperangkap di dalamnya. Ini sangat berbahaya kepada penduduk."

AZIMAH A. RASID, 37
AJK Persatuan Penduduk PPR Desa Petaling